

TARIKH	19 / 7 / 2012	SEKSYEN	Nasional
MUKA SURAT	31	RUANGAN	Nasional

# Kelab TaHa sasar 5A UPSR

» Latih tubi ulang kaji kunci kejayaan

Oleh Rosdi Ismail  
Rosdi @bharian.com.my

► Kuala Terengganu

Ahli Kelab TaHa Tabung Haji yang akan menduduki Ujian Pencapaian Sekolah Rendah (UPSR), September ini, digalakkan terus gigih menelaah pelajaran bagi memastikan mereka lebih bersedia menghadapi peperiksaan itu.

Pengarah Lembaga Tabung Haji (TH) Terengganu, Mohammad Mokhzani Mokhtar, berkata calon perlu meneruskan usaha dan jangan sesekali jemu atau malas mengulang kaji pelajaran.

Beliau berkata, tumpuan menjelang peperiksaan penting selain membuat latih tubi dan memberi tumpuan ketika guru mengajar.



Mohammad Mokhzani (dua dari kanan) bersama 250 ahli **Kelab TaHa** sekitar Terengganu yang menghadiri Seminar Bimbingan Peperiksaan Klinik UPSR 2012 anjuran TH baru-baru ini.

"Murid masih ada masa memperbaiki kelemahan dan melatih diri membuat ulang kaji secara berterusan. Latihan secara konsisten ini membolehkan mereka menjawab dengan tepat," katanya.

Mohammad Mokhzani berkata demikian ketika berucap pada

majlis perasmian Seminar Bimbingan Peperiksaan Klinik UPSR 2012 anjuran TH dengan kerjasama Unit Pendidikan BH di Universiti Malaysia Terengganu, di sini, baru-baru ini.

Seramai 250 calon UPSR yang bakal menduduki peperiksaan

berkenaan September ini hadir pada program yang dimuatkan dengan tiga slot ceramah bagi mata pelajaran Bahasa Inggeris, Sains dan Matematik.

Turut hadir Penyelia Pemasaran TH Terengganu Md Hisham Mohd Nor.